

RM24 juta baiki kemusnahan banjir lumpur

KOTA BELUD – Nasib kira-kira 1,500 penduduk dari dua buah kampung di sini yang terputus hubungan selepas kampung mereka dilanda banjir lumpur pada Khamis lalu bakal berakhir apabila kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM24 juta bagi pembinaan jalan dan jambatan baharu.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, Kampung Melangkap Baru dan Kampung Melangkap Tumis terjejas teruk akibat banjir itu apabila jalan raya serta jambatan kampung tersebut rosak dan dihanyutkan banjir.

Katanya, kejadian kira-kira pukul 7 pagi itu turut mengubah landscape dua kampung berkenaan dan merosakkan tanaman selain merosakkan sebuah rumah inap desa milik penduduk kampung.

"Pemandangan di kawasan banjir itu juga sangat memeranjatkan apabila ia dipenuhi longgokan



ABDUL RAHMAN (dua dari kanan) membuat tinjauan ke kawasan terjejas akibat banjir lumpur di Kampung Melangkap Baru, Kota Belud kelmarin.

batu-batu besar dan pasir yang dibawa arus sungai.

"Batu-batu besar ini merupakan serpihan daripada runtuhannya Gunung Kinabalu ekoran kejadian gempa bumi pada Jun lalu," katanya ketika mengadakan lawatan ke kawasan banjir di sini kelmarin.

Abdul Rahman yang juga Ahli Parlimen Kota Belud

berkata, jalan yang dibaiki itu adalah sepanjang enam kilometer sementara jambatan akan dibina dengan kedudukan lebih tinggi dan dijangka siap dalam tempoh 22 bulan," jelasnya.

Dalam kejadian Khamis lalu, hujan lebat berterusan selama beberapa hari menyebabkan banjir lumpur melanda Sungai Kadamaian

hingga melimpah ke kawasan kampung berdekatan.

Kejadian kira-kira pukul 7 pagi itu turut menjejaskan penduduk di Kampung Melangkap Baru dan Kampung Melangkap Tumis yang terputus hubungan selepas jalan raya dipenuhi lumpur selain sebuah jambatan besi yang baru dibina turut dihanyutkan banjir.